

02 DEC 1997

LEAD Lim-Minyak

HARGA SILING RUNCIT MINYAK MASAK SAWIT DITETAPKAN SEMULA

KUALA LUMPUR, 2 Dis (Bernama) -- Kerajaan bercadang menetapkan semula harga siling runcit minyak masak sawit tulen pada RM3.15 sekilogram dan minyak sawit campuran pada RM3.65 sekilogram berkuatkuasa 1 Jan depan.

Ketika mengumumkan demikian hari ini, Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata ia akan dikemukakan kepada mesyuarat mingguan kabinet di Langkawi esok bagi mendapatkan pengesahan.

Katanya, penetapan harga siling itu dibuat berdasarkan skim penstabilan harga minyak sawit pada 1995 apabila kerajaan memberi subsidi sebanyak 75 peratus kepada harga minyak sawit yang dikilangkan untuk pasaran tempatan manakala 25 peratus lagi ditanggung oleh pengeluar.

Bagaimanapun beliau berkata, memandangkan masalah ekonomi yang dihadapi negara pada masa ini tidak mengizinkan kerajaan untuk memberi subsidi, para pengeluar, yang terdiri daripada 55 peratus pekebun kecil dan peneroka Felda serta 45 peratus pemilik estet, bersetuju untuk menanggungnya 100 peratus.

"Kita mengambil langkah ini kerana kerajaan tidak mahu membenarkan para pekilang dan peruncit menaikkan harga minyak masak walaupun mereka terpaksa membeli minyak sawit daripada pengeluar pada harga yang lebih tinggi berikutan penyusutan nilai ringgit," katanya pada persidangan berita di kementerian itu di Menara Dayabumi.

Dr Lim mengambil masa kira-kira dua jam untuk memperjelaskan mekanisme perdagangan minyak sawit dan menjawab soalan-soalan yang diajukan pemberita bagi memastikan tidak timbul kekeliruan mengenai harga komoditi itu.

Katanya, cadangan harga siling tetap itu akan segera diwartakan mengikut Akta Lembaga Pendaftaran dan Pelesenan Minyak Kelapa Sawit selepas diluluskan kabinet.

Beliau mengakui terdapat kenaikan harga minyak masak sawit pada masa ini tetapi jumlah tidak dapat dipastikan kerana harga komoditi itu sentiasa turun naik mengikut harga minyak sawit mentah di pasaran antarabangsa.

Katanya, kadangkala harga runcit komoditi itu masih dinaikkan walaupun harga CPO berada pada paras antara RM1,100 dan RM1,200 satu tan.

Statistik yang diperolehi menunjukkan harga purata minyak masak tulen di Lembah Klang antara Januari dan Oktober tahun ini berada pada paras antara RM3 dan RM3.90 sekilogram.

Ia berada pada paras RM3.30 sekilogram antara Julai dan Oktober manakala CPO pula naik daripada lebih RM1,400 kepada hampir RM1,700 satu tan mulai Ogos lepas.

Ketika diminta menghuraikan butiran skim penstabilan harga itu, Dr Lim berkata kerajaan telah melaksanakannya dari Februari hingga Oktober 1995 apabila harga CPO di pasaran antarabangsa melambung sehingga melebihi RM1,400 satu tan.

CPO, yang kini berada paras hampir RM1,700 satu tan, digunakan bagi menghasilkan minyak sawit untuk membuat minyak masak dan stearin untuk pembuatan barangan lain seperti sabun.

"Pada masa itu, kerajaan menanggung subsidi sebanyak RM19.6 juta bagi tempoh enam bulan pelaksanaannya manakala para pengeluar menanggung sebanyak RM6.4 juta," katanya.

Dr Lim menganggarkan subsidi pada kali ini sebanyak RM70 juta untuk tempoh enam bulan berdasarkan harga CPO sebanyak RM1,700 satu tan.

Bagaimanapun, beliau berkata, kerajaan akan memastikan bukan pengeluar sahaja yang terpaksa berkorban untuk menanggung subsidi itu tetapi pekilang

dan peruncit juga perlu mengorbankan sedikit margin keuntungan mereka.

"Kita akan bincang macam mana beban subsidi itu boleh diagih-agihkan bagi menentukan jumlah subsidi sebenar yang perlu dibelanjakan oleh para pengeluar. Ini akan kita lakukan dengan turut memotong margin keuntungan para pekilang dan peruncit bagi memastikan mereka juga melakukan sedikit pengorbanan untuk kebaikan semua, terutama pengguna," katanya.

Ahad lepas, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, ketika merujuk secara khusus kepada kenaikan harga minyak masak, berkata para peniaga yang menaikkan harga barangan dalam keadaan ekonomi negara menghadapi masalah adalah sama dengan golongan yang mensabotaj ekonomi Malaysia.

Sambil mengingatkan para pekilang dan peruncit supaya "melupakan hasrat untuk mengaut keuntungan berlebihan dalam keadaan ekonomi negara sekarang", Dr Lim berkata, jika pengeluar bersedia untuk menanggung subsidi dalam bentuk kutipan ses oleh kerajaan, tidak ada sebab mengapa pekilang dan peruncit tidak sanggup melakukan sedikit pengorbanan daripada segi keuntungan.

"Semalam, saya sudah berjumpa dengan MEOMA (Malaysian Edible Oil Manufacturers Association) dan memberitahu mereka jangan harap kerajaan akan membenarkan kenaikan harga minyak masak. Hari ini saya buat keputusan kita tetapkan harga (siling) minyak masak," katanya mengenai gesaan Persatuan Pengilang Minyak Makan itu supaya harga minyak masak, yang bekalannya dikawal, dinaikkan.

Ketika ditanya bagaimana kerajaan bercadang untuk memastikan pekilang tidak menjual ke luar negara minyak masak yang bahan mentahnya untuk pengeluaran tempatan sudahpun diberi subsidi, beliau berkata: "Terpulang kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Mungkin kita boleh letak tanda untuk jualan tempatan sahaja dan kita jalankan penguatkuasaan".

Beliau tidak menafikan kebocoran menerusi perbuatan menjual ke luar negara itu ada berlaku pada 1995 dan beliau berharap ia tidak berulang tahun depan kerana para pengeluar sudahpun membuat pengorbanan dengan memberi subsidi untuk pengguna tempatan, bukannya pasaran luar.

Mengenai tempoh skim penstabilan harga itu dilaksanakan kali ini, Dr Lim berkata ia terpulang kepada berapa lama harga CPO di pasaran antarabangsa kekal pada paras melebihi RM1,400 satu tan.

Bagaimanapun beliau tidak menolak kemungkinan ia terpaksa dikaji semula jika harganya mencecah RM2,000 satu tan kerana keadaan itu amat membebankan para pengeluar untuk terus menanggung subsidi.

Katanya, para pekilang telah memberitahu beliau bahawa minyak sawit untuk dikilang bagi pasaran tempatan yang perlu diberi subsidi kali ini ialah 35,000 tan sebulan berbanding 30,000 tan pada 1995.

-- BERNAMA

AH NMO